



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
RABU 26 OKTOBER 2022**

| <b>BIL</b>  | <b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>  | <b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>                       |
|---|--|---|
| 1.  | PELUANG KEMBANGKAN PERNIAGAAN, NASIONAL, SH -7   | BAHAGIAN PEMBANGUNAN KAPASITI DAN LATIHAN PERTANIAN (BPKLP) |
| 2.<br>3.  | AGROBANK LULUS PEMBIAYAAN RM41j, EKONOMI, UM -36<br>AGROBANK LULUS PEMBIAYAAN RM41 JUTA DPAKM, DPA2 PAHANG, BISNES, SH -29   | AGROBANK  |
| 4.<br>5.<br>6.<br>7.<br>8.<br>9.<br>10.<br>11.<br>12. | CAP: CHECK FARMS TO NSURE SAFETY OF EGGS, NEWS, NST -8<br>SHORTAGE CONTINUES TO BE AN EGGS-ACHE, NATION, THE STAR -8<br>LADANG KECIL TUTUP PUNCA MASALAH, NASIONAL, BH -20<br>DARI 'CUKUP-CUKUP MAKAN', IRUJIN MAMPU RAIH PENDAPATAN 6 ANGKA, GAYA LELAKI, UM -28<br>SEDIAKAN SUBSIDI IKAN KEMBUNG UNTUK RINGANKAN BEBAN RAKYAT, NEGARA, KOSMO -2<br>CARI REZEKI, MUKA DEPAN, UM -1<br>TANAM SAYUR GUNA MODAL BESAR, DALAM NEGERI, UM -4<br>PEKEBUN HARAM WARGA ASING JADI SAUDAGAR SAYUR, DALAM NEGERI, UM -4<br>PESARA TENTERA RAIH PENDAPATAN LUMAYAN, BERJAYA DALAM PERTANIAN, UM -24 & 25 | LAIN-LAIN   |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# Peluang kembangkan perniagaan

PLKPK beri manfaat golongan muda ceburi bidang pertanian, keusahawanan

Oleh MUKHRIZ MAT HUSIN  
SHAH ALAM

**P**rogram Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan (PLKPK) memberi manfaat kepada usahawan muda untuk menceburi bidang pertanian dan keusahawanan sekali gus mengembangkan perniagaan mereka pada masa hadapan.

Bahagian Pembangunan Kapasiti dan Latihan Pertanian (BPKLP) dalam kenyataan berkata, inisiatif tersebut mempunyai sepuluh bidang pengajian ditawarkan secara percuma kepada belia berusia 18 hingga 25 tahun yang beminat untuk menceburi diri dalam bidang agromakanan.

"Ramai pelatih telah menjadi usahawan dengan melibatkan diri dalam bidang keusahawanan pertanian dan menikmati pendapatan lumayan antara RM4,000 sebulan sehingga puluhan ribu ringgit bagi setiap pusingan.

"Kualiti penyampaian latihan telah dipertingkatkan bagi menambahkan kemudahan pengajaran dan pembelajaran yang terkini seperti model kilang tanaman, 'Internet of Things' (IoT), 'closed house' (kandang tertutup) ternakan ayam dan lembu, dan tanaman, penggunaan dron untuk membaja dan racun serta kolam pembelajaran akuakultur," katanya dalam kenyataan pada Sabtu.

Manurut kenyataan tersebut, setiap program dijalankan dengan berteraskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SPKP).

Ulasnya, bidang pengajian yang ditawarkan itu pula meliputi pensijilan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap Satu hingga Tahap Tiga dan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Tahap Empat.

"Kursus yang ditawarkan adalah



Platform yang disediakan PLKPK turut membuka peluang kepada Razin Naif menjadi pengusaha ternakan keli yang berjaya.

## Syarat permohonan dan kemudahan:

- Warganegara Malaysia.
- Berumur 18 hingga 25 tahun.
- Boleh membaca, mengira dan menulis.
- Sihat tubuh badan.
- Yuran pengajian percuma.
- Elaun RM200 hingga RM300.
- Penginapan disediakan.
- Makanan dan minuman disediakan.
- Permohonan dibuka sepanjang tahun.

dalam bidang Tanaman, Ternakan Ruminan, Ternakan Poltri, Pengeluaran Padi, Akuakultur Air Tawar, Akuakultur Marin, Pemprosesan Makanan, Teknologi Perikanan Tangkapan, Pemasaran, Mekanisasi dan Automasi.

"Objektif utama PLKPK antaranya, melahirkan usahawan tani yang berkeyakinan, berkemahiran, berdaya saing dan juga melahirkan tenaga kerja mahir serta profesional yang akan berkhidmat di dalam sektor swasta bidang pertanian," ujarnya.

Tambah kenyataan berkenaan, kursus yang ditawarkan itu tidak dikenakan yuran pengajian malah, pelajar turut menerima elaun sebanyak RM200 hingga RM300 setiap bulan, penginapan dan makan serta minuman sehingga tamat tempoh pengajian.

"Kursus ini memfokuskan 30 peratus teori dan 70 peratus latihan amali manakala kurikulum pembelajaran disemak setiap lima tahun serta turut memabatkan penglibatan industri yang berkaitan pertanian.

"Subsektor agromakanan memberi pulangan lumayan kepada graduan BPKLP menjadi usahawan dalam sektor ini. Kursus poltri dan ruminan menjadi pilihan utama pelatih kerana mempunyai potensi besar dan memberikan hasil pendapatan yang tinggi," jelasnya.

Jelas kenyataan itu, kejayaan program PLKPK ini dapat dilihat melalui

kemampuan para graduan untuk menjadi usahawan yang berjaya dan menjadi pekerja mahir kepada syarikat swasta serta memperoleh pendapatan yang lumayan.

Katanya, kemahiran yang mereka pelajari di pusat latihan banyak membantu para pelatih masuk ke alam pekerjaan.

"Sejak tahun 2004, BPKLP telah melahirkan 7,875 graduan (SKM) dan (DKM) dan seramai 22,157 individu telah menyertai kursus jangka pendek yang telah dianjurkan dengan fokus kepada bidang pertanian," ujarnya.

## Pendedahan ilmu

Dalam pada itu, salah seorang usahawan PLKPK, Norfasiah Adilah Auni Ismail, 26, berkata, pelaksanaan projek dan latihan praktikal melalui program berkenaan telah memberi banyak pendedahan ilmu dan kemahiran berkaitan pertanian dan keusahawanan.

Norfasiah yang kini mengusahakan perniagaan kafeteria di Institut Pendidikan Guru (IPG) Perlis berkata, pengajaran langkah demi langkah, projek akhir tahun dan latihan praktikal turut membantu para peserta untuk menerapkan apa yang mereka pelajari sepanjang dalam program tersebut.

"Selepas tamat program saya lebih bersemangat untuk bekerja, produktif dalam menguruskan perniagaan. Saya ada perancangan perniagaan sendiri

sebab apa yang dipelajari itu kita dapat diaplikasikan terus dalam perniagaan.

"Kalau ada yang saya perlukan bimbingan, saya akan hubungi pnsyarah, tenaga-tenaga pengajar yang lain atau agensi berkaitan untuk membantu saya," katanya.

Sementara itu, usahawan ternakan lembu dan tanaman, Muhammad Faiz Mohd Nor, 27, turut akui program berkenaan memberi pendedahan asas-asas pertanian dan keusahawanan secara menyeluruh untuk usahawan baharu menceburi bidang berkenaan.

"Ilmu yang saya dapat sepanjang program ini memang bermanfaat dan membantu mengembangkan perniagaan. Apabila berlaku apa-apa masalah melibatkan penternakan, saya tahu siapa yang boleh saya hubungi untuk dapatkan bantuan dan sebagainya," jelasnya.

Selain itu, usahawan pengedar dron pertanian, Muhammad Fawwaz Mohd Pozi, 26, berkata, perniagaannya dapat berkembang lebih jauh hasil sambutan yang menggalakkan dalam kalangan petani khususnya di kawasan utara.

Ujarnya, program tersebut membantunya untuk mengaplikasi serta melihat keberkesanan dron dari segi sukatan racun, penanaman baja dalam pertanian, penjimatan masa serta tenaga pekerja.

"Program ini sangat membantu usahawan muda dan membuka minda kami untuk belajar lebih lagi tentang teknologi dan inovasi pertanian.

"Di Malaysia mungkin masih belum sepenuhnya lagi, tetapi di negara-negara luar semuanya sudah menggunakan teknologi pertanian," katanya.

Bagi usahawan ternakan ikan keli dan tanaman, Razin Naif Zainal, 22, usahawan-usahawan muda turut dapat berkongsi idea dan pengalaman dalam pertanian melalui platform PLKPK.

"Dulu, mungkin saya waswas apabila nak buat sesuatu perkara tetapi selepas program ini, saya lebih yakin dan banyak perkara baharu yang saya nak cuba.

"Dengan pertukaran maklumat bersama rakan-rakan, banyak perkara yang saya tahu contohnya aktiviti pengairan, pemakanan dan juga penyakit-penyakit melibatkan ikan," ujarnya.



Program latihan di bawah PLKPK membantu graduan tingkatan kemahiran dan mengembangkan lagi perniagaan yang diusahakan mereka.

# Agrobank lulus pembiayaan RM41j

Oleh **MOHAMAD SHOFI MAT ISA**  
shofi.isa@mediamula.com.my

**CAMERON HIGHLANDS:** Agrobank sehingga kini telah meluluskan 187 permohonan untuk program Pembiayaan Agromakanan Keluarga Malaysia (DPAKM) dan Dana Pembiayaan Agromakanan 2 (DPA2) peringkat negeri ini yang keseluruhannya berjumlah RM41 juta.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Tengku Ahmad Badli Shah Raja Husin berkata, sehingga 15 Oktober lalu, Agrobank menerusi pejabat Wilayah Pahang telah menerima 304 permohonan DPAKM dengan nilai RM75 juta.

"Daripada jumlah ini, sebanyak 187 permohonan telah diluluskan di bawah program DPAKM dan DPA2 dengan jumlah pembiayaan keseluruhan bernilai RM41 juta.

"Kami kini sedang memproses permohonan pembiayaan dari pada dana ini dan ia dijangka diluluskan pada tahun ini," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Agrobank pada Ahad lalu menyampaikan replika cek berjumlah RM41,007,500 kepada



**WAN Rosdy Wan Ismail** pada majlis penyerahan Dana Pembiayaan Agromakanan Keluarga Malaysia dan Dana Pembiayaan Agromakanan 2 peringkat negeri Pahang di Cameron Highlands.

wakil penerima DPAKM dan DPA2 peringkat negeri ini yang disampaikan Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail.

Tengku Ahmad Badli Shah berkata, pelaksanaan DPAKM dan DPA2 yang diperuntukkan RM1 bilion di bawah Agrobank ini dilaksanakan bagi menjamin

kesinambungan aktiviti pengeluaran makanan negara sekali gus memperkasakan sektor pengeluaran makanan.

"Apa yang menariknya program DPAKM ini menawarkan tempoh pembiayaan kompetitif sehingga lapan setengah tahun dengan kadar keuntungannya

rendah tiga peratus.

"Selain itu, bagi tempoh enam bulan pertama, Agrobank turut memberikan moratorium secara automatik pada kadar keuntungan sifar peratus dan ini bermakna para pelanggan akan dikenakan kadar keuntungan serendah tiga peratus hanya

pada bulan ketujuh pembiayaan dan seterusnya," katanya.

Beliau menambah, selain DPAKM, Agrobank turut menawarkan Program Pemulih NewBiz yang merupakan inisiatif berterusan syarikat perbankan itu dalam memainkan perannya sebagai sebuah Institusi Kewangan Pembangunan (IKP) sektor pertanian.

"Ini bagi memenuhi tanggungjawab 'melangkaui perbatasan' dengan menawarkan pelbagai kemudahan yang dapat membantu komuniti terpinggir dan tidak mendapat liputan seperti asnaf selain menyokong individu yang tidak mempunyai pekerjaan, namun sentiasa mencari peluang baharu untuk menjana pendapatan sekali gus meningkatkan taraf sosioekonomi diri dan keluarga.

"Agrobank mengalu-alukan rakyat Malaysia yang terkesan dek cabaran ekonomi semasa untuk terus berkinjung ke cawangan Agrobank terdekat untuk mendapatkan maklumat lanjut Program Pembiayaan Pemulih NewBiz melalui pegawai-pegawai Agrobank kami di seluruh negara," katanya.

## Agrobank lulus pembiayaan RM41 juta DPAKM, DPA2 Pahang

**KUANTAN** - Agrobank telah meluluskan pembiayaan RM41 juta bagi Program Dana Pembiayaan Agromakanan Keluarga Malaysia (DPAKM) dan Dana Pembiayaan Agromakanan 2 (DPA2) peringkat negeri Pahang.

Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, sehingga 15 Oktober lalu, Agrobank menerusi pejabat Wilayah Pahang telah menerima 304 permohonan DPAKM dengan nilai RM75 juta.

Menurutnya, daripada jumlah ini, 187 permohonan telah diluluskan di bawah program DPAKM dan DPA2 dengan jumlah pembiayaan keseluruhan bernilai RM41 juta.

"Pelaksanaan program DPAKM dan DPA2 dengan peruntukan RM1 bilion di bawah Agrobank dilaksanakan bagi menjamin kesinambungan aktiviti pengeluaran makanan negara sekali gus memperkasakan sektor pengeluaran makanan.

"Menerusi program ini, Agrobank berharap agar ia dapat dimanfaatkan lebih ramai usahawan di seluruh negara," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Majlis penyampaian replika cek kepada wakil penerima DPAKM dan DPA2 peringkat Negeri Pahang disampaikan Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail di Tanah Rata, Cameron Highlands pada Ahad lalu.

Tengku Ahmad Badli Shah berkata, program DPAKM menawarkan tempoh pembiayaan yang kompetitif sehingga lapan tahun enam bulan dengan kadar keuntungan serendah tiga peratus.

"Bagi tempoh enam bulan pertama, Agrobank turut memberikan moratorium secara automatik pada kadar keuntungan sifar peratus.

"Itu bermakna para pelanggan hanya akan dikenakan kadar keuntungan serendah tiga peratus bermula pada bulan ketujuh pembiayaan dan seterusnya," jelasnya lagi.

Tambah beliau, Agrobank turut menawarkan Program Pemulih NewBiz yang merupakan inisiatif berterusan dalam memainkan perannya sebagai sebuah Institusi Kewangan Pembangunan (IKP) dalam sektor pertanian.

"Inisiatif itu bagi memenuhi tanggungjawab 'melangkaui perbatasan' dengan menawarkan pelbagai



Tengku Ahmad Badli Shah (dua dari kiri) menyaksikan penyerahan replika cek pembiayaan DPAKM dan DPA2 peringkat negeri Pahang disampaikan Wan Rosdy (empat dari kiri) kepada wakil penerima, Leftenan Kolonel (B) Datuk Ir Thong Kok Seng (tiga dari kanan) pada majlis penyerahan di Cameron Highlands, Ahad lalu.

kemudahan yang dapat membantu komuniti terpinggir dan tidak mendapat liputan seperti golongan asnaf.

"Ia juga bagi menyokong individu yang tidak mempunyai pekerjaan namun sentiasa mencari peluang baharu untuk menjana pendapatan sekali gus meningkatkan taraf sosio-ekonomi diri dan keluarga."

katanya.

Justeru beliau berkata, Agrobank amat mengalu-alukan rakyat negara ini yang terkesan dengan cabaran ekonomi semasa untuk terus berkinerja ke cawangan Agrobank terdekat bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai Program Pembiayaan Pemulih NewBiz secara lebih terperinci.

Menurutnya, orang ramai juga boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai Program DPAKM, DPA2 dan Pemulih NewBiz melalui laman sesawang Agrobank di [www.agrobank.com.my](http://www.agrobank.com.my) atau hubungi pusat perkhidmatan pelanggan di 1300 88 2476 atau terus berkinerja ke cawangan Agrobank terdekat.

| TARIKH     | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|-------|---------|------------|
| 26/10/2022 | NST   | NEWS    | 8          |

## SALMONELLA ENTERITIDIS CONTAMINATION

# CAP: Check farms to ensure safety of eggs

**KUALA LUMPUR:** The Consumers Association of Penang (CAP) has questioned the safety of eggs following the import ban by Singapore on Teo Seng Capital Bhd recently.

Its president, Mohideen Abdul Kader, said the report on eggs from a Teo Seng Capital farm being suspended by the Singaporean authorities showed that Malaysians were being rated as second-class consumers where food safety was concerned.

"The eggs were rejected as they were contaminated with *salmonella enteritidis* bacterium, but again we hear authorities saying the eggs are not sold in Malaysia and that they are only from a few affected farms.

"It is strange that this incident

was not discovered by our authorities, even though Malaysians consume 30 million eggs daily."

*Salmonella enteritidis* causes diarrhoea, abdominal pain, fever, nausea and vomiting.

Mohideen said the laws regulating food safety were the Food Act 1983, Food Regulations 1985 and Food Hygiene Regulations 2009.

"Despite the laws and the enforcement body entrusted to ensure that Malaysians get safe and wholesome food, we rarely hear of local produce being recalled."

He said this was not the first time that eggs produced in Malaysia had been rejected by other countries.

"Last year, the Department of Veterinary Services conducted an investigation into Lay Hong Bhd's CES 008 farm in Jeram, Selangor, to identify the cause of *salmonella enteritidis* contamination, which had led to a recall of the company's eggs in Singapore."

In view of the latest recall, he said, CAP called on the authorities to investigate all poultry farms and look into how chickens were reared.

"The government should set up a committee to investigate weaknesses in our monitoring system with regard to food safety, as these reports show that the system is inadequate."

He urged people to cook eggs thoroughly before eating them.

# Shortage continues to be an egg-ache

## Industry players urge govt to resolve supply issue soon

By KHOO GEK SAN  
newsdesk@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** The shortage of eggs continues to frustrate consumers.

Whatever is available in the market is usually snapped up and queues stretch as consumers wait in line to buy this cheap source of protein, say industry players.

Many are worried the situation will persist if the government cannot solve the issue soon.

Federation of Sundry Goods Merchants Associations of Malaysia president Hong Chee Meng said the shortage had yet to be resolved since it was highlighted two months ago.

"According to our members, the eggs are all snapped up within hours when they arrive at their designated outlets. As such, the sundry shops do not have any stock left," he said.

Hong added that the shortage was caused by poultry farms cutting down on their production due to the increase in costs.

A check showed that people were keeping a close watch on social media to follow the egg trails in their neighborhood.

"We monitor Facebook community groups for 'egg updates'. Once there is news of eggs restocked at a particular outlet, there will be a rush to queue up and get supplies," said housewife Lim Ai Swam, 45, from Batu Pahat, Johor.

Lim, who needs 20 eggs weekly for her family, said the shortage

was unprecedented.

"There should be enough eggs. This has never happened before," she said, adding that she hoped the situation would improve soon.

Klang Coast Sundry Goods Merchants' Association president Tan Teck Hock said consumers had to resort to buying kampung eggs, although their supply has also dropped by 50%.

"Eggs are restocked every Wednesday at my shop. Some of my regulars will ask me to reserve some eggs for them, which I do," he said, adding that the rest of the stock would be sold out quickly.

Egg producer Wong Wei Chang said "panic buying" had caused supply to run out fast.

He noted that the new wave of bird flu in Europe was impacting poultry farming, besides the hike in maize and soybean feed costs to make chicken feed.

On Oct 10, the government announced it would maintain the ceiling prices of type A, B and C eggs despite the subsidy being increased from three to eight sen.

The maximum retail price of Grade A chicken eggs is 45 sen each, Grade B (43 sen) and Grade C (41 sen) in the peninsula while for Langkawi, Sabah, Sarawak and Labuan, the maximum prices of chicken and eggs vary, depending on the zones and districts.

Poultry farmers have asked the government to float the prices of eggs following an increase in feed costs since the pandemic.

Bekalan telur kurang

# Ladang kecil tutup punca masalah

**Pengusaha beri jaminan tingkatan pengeluaran dalam masa terdekat**

Oleh Nae Norziela Nashah dan Zubainy Zulkiifli  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Penutupan beberapa ladang kecil yang menyumbang lebih kurang dua juta biji telur sehari, dikenal pasti sebagai punca kekurangan bekalan telur ketika ini.

Masalah kekurangan bekalan itu bertambah ketara apabila beberapa ladang besar tidak dapat menambah pengeluaran, bagi menampung kekurangan disebabkan penutupan ladang kecil terbabit.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengurusan, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata kementerianannya mengambil maklum isu kekurangan

ngan bekalan telur di pasaran seperti yang dilaporkan.

"Melalui libat urus dan sesi lawatan yang dijalankan Kementerian ke beberapa syarikat pengeluaran telur, baru-baru ini, mereka memberi jaminan akan meningkatkan pengeluaran dalam masa terdekat," katanya.

Mengulas mengenai penjualan telur nutrisi yang tidakwa jumlah atau kadar pengeluarannya lebih tinggi, Nanta berkata, isu itu sebenarnya lebih terarah kepada prinsip ekonomi, yang mana harga dan kadar pengeluarannya ditentukan 'market force' atau kuasa pasaran, selain permintaan dan penawaran.

Katanya, hal itu berbeza dengan telur kawalan iaitu gred A, B dan C, yang tertakuk kepada penetapan harga siling seperti diumumkan kementerian, masing-masing pada kadar 45, 43 dan 41 sen sebiji.

"Bagaimanapun, tindakan menurus saluran perundangan dan peruntukan yang diselia oleh Suruhanjaya Peralangan Malaysia (MyCC) berupaya diambil perhatian mana-mana pengeluaran ternasuk produk telur nutrisi jika wu-

jud elemen manipulasi pasaran.

"Manipulasi ini bermaksud menubuhkan pakatan pada peringkat pengeluaran, sama ada membabitkan bekalan makanan dan ubat untuk ternakan.

"Saya juga difahamkan, MyCC sedang giat membuat pemantauan berhubung keadaan semasa pasaran telur ayam dalam negara dan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas seperti penyiasatan menyeluruh jika terdapat elemen pelanggaran ternasentral di bawah Akta Peralangan 2010," katanya.

Beliau berkata, kerajaan juga melaksanakan tindakan dengan menaikkan subsidi daripada 3 sen kepada 8 sen untuk telur gred A, B dan C, sekali gus memastikan harga bagi setiap biji telur adalah dalam julat kemampuan pengguna, khususnya golongan B40.

"Kerajaan giat memperluaskan Program Jualan Murah Keluarga Malaysia (PJMUKM), yang kini memasuki peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN), berbanding peringkat Parlimen sebelum ini.

"Impak daripada pemerluasan liputan program ini menyudahkan

lebih ramai masyarakat, terutama di pedalaman dan pinggir bandar berupaya menikmati manfaat jualan barangan keperluan harian yang ditawarkan pada kadar 20 peratus lebih rendah daripada pasaran," katanya.

## Stasit ladang ayam

Sementara itu, di Georgetown, Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAPY) menyeru pihak berkuasa berkaitan menyiasat semua ladang ayam di negara ini, bagi memastikan ia mematuhi peraturan keselamatan makanan.

Kaedah penternakan ayam perlu dilihat semula kerana ia dibimbangi menyumbang kepada pencemaran bakteria Salmonella Enteritidis (SE).

Presiden CAP, Mohideen Abdul Kader, berkata laporan baru-baru ini mengenai tindakan Agensi Makanan Singapura (SFA) yang mengarahkan telur diimport dari Malaysia ditarik balik susulan pengesanan bakteria SE wajar dijadikan iktibar.

"Telik kejadian sebegini tidak diketahui pihak berkuasa ternakan kita lebih awal walaupun dianggarkan rakyat Malaysia me-

**MyCC sedang giat membuat pemantauan berhubung keadaan semasa pasaran telur ayam dalam negara dan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas**



Alexander Nanta Linggi,  
Menteri Perdagangan  
Dalam Negeri  
dan Hal Ehwal  
Pengguna

ngambil 30 juta telur setiap hari.

"Memandangkan keadaan itu, ramai pengguna Malaysia mungkin secara tidak sedar sudah mengambil telur yang tercemar dengan bakteria SE hingga menyebabkan cirit-birit, sakit perut, demam, loya dan muntah," katanya dalam kenyataan semalam.

# Dari 'cukup-cukup makan', Irujin mampu raih pendapatan 6 angka

Oleh ROSALINDA MD SAID  
rosalinda.said@mediamula.com.my

**E**NAM tahun lalu, Irunji Parija, 52, berdepan ujian berat apabila temakan ikan sangkar yang diusahakan di Pulau Sakar, Lahad Datu, Sabah, mati dalam sekelip

mata.

Situasi itu menyebabkan bapa kepada dua anak ini hampir menutup kolam ternakannya gara-gara menanggung kerugian bernilai ratusan ribu ringgit.

Walaupun semangat makin luntur, namun dengan sokongan keluarga dan rakan-rakan, anak

jati Pulau Sakar ini tetap meneruskan perniagaan sambilannya itu hingga mampu berkembang sebagai destinasi agropelancongan popular di Lahad Datu dikenali sebagai Irunji Agrotourism.

Irunji berkata, pusat yang dibuka pada 2019 itu berbeza berbanding lokasi lain

kerana pengunjung bukan sekadar dapat memancing, bersantai dan berkayak, malah berpeluang mandi bersama ikan-ikan di kolam yang disediakan.

Katanya, keunikan yang ditawarkan itu sekali gus berjaya menarik kemasukan lebih 200 pengunjung ke lokasi berkenaan dalam

sebulan.

Menceritakan lebih lanjut, penyelia kilang itu berkata, minat dalam bidang penternakan ikan tercetus selepas menyertai kursus anjuran Jabatan Perikanan pada 1999.

Bersambung di muka 27

**IRUNJI** Parija memegang ikan kerapu yang ditenak di Irunji Agrotourism.





## Sediakan subsidi ikan kembung untuk ringankan beban rakyat

**ALOR SETAR** - Persatuan Pengguna Kedah (Cape) menyarankan kerajaan supaya menyediakan subsidi ikan kembung supaya rakyat tidak terbebani dengan kenaikan harga hidupan marin itu.

Presidennya, Mohamad Yusri- zal Yusoff berkata, tindakan itu dapat membantu mengawal harga ikan tersebut sekali gus meringankan beban rakyat.

"Tkan sejuk beku jenama Q Fish pula tiada stok kerana kekurangan bekalan ekor an musim tengkujuh dan monsun.

"Kerajaan boleh mengimport

ikan kembung dari negara jiran bagi menampung kekurangan bekalan pada musim tengkujuh," katanya.

Menurut Mohamad Yusri zal, bagi mengatasi masalah kekurangan telur pula, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan perlu mengambil langkah membendung perkara itu.

"Bagi isu minyak masak peket pula, Cape mencadangkan supaya jumlah kuota bekalan itu ditambah dan dihantar teru-

tamanya di kawasan kampung dan bandar yang mempunyai ramai penduduk B40.

"Di samping itu, kerajaan perlu menguatkuasakan pengawalan terhadap minyak masak tidak bersubsidi supaya harga yang dijual tidak terlalu tinggi," katanya.

Dalam pada itu, kata beliau, berdasarkan lawatannya ke sebuah kampung baru-baru ini, ada penduduk yang kurang berkemampuan mengambil inisiatif menjala ikan di sungai sebagai sumber protein untuk santapan tengah hari dan malam.



**KERAJAAN** dicadang memberi subsidi ikan kembung supaya dapat meringankan beban golongan kurang mampu.



**Cari rezeki**

RUTIN harian Zamri Zakaria, 55, bersama beruk peliharaannya memungkah kelapa dipetik dari sebuah kebun untuk diproses menjadi santan segar di Kampung Tok Fakir, Merchang Marang. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY

# Pekebun haram warga asing ceroboh tanah kerajaan

Oleh FAHMI FAIZ  
fahmi.faz@medianulla.com.my

**PETALING JAYA:** Kira-kira 80 hektar tanah milik kerajaan Selangor di Kampung Sungai Rasau, Batu 8, Puchong dekat sini didakwa diceroboh warga Bangladesh dan Indonesia untuk projek tanaman sayuran kortan yang memberi hasil lumayan sehingga mencecah jutaan ringgit. Pencerobohan sejak tujuh tahun lalu itu membabitkan kawasan yang terletak di bawah pencawang elektrik sehingga ke sebelah Lebuhraya Maju (MEX) di Pulau Meranti.

Sebahagian lagi terletak bersebelahan kawasan perindustrian yang turut menempatkan Ibu pejabat Pasukan Bantuan dan Penyelamat Khas Malaysia (SMART) di Jalan Pulau Meranti.

**Bersambung di muka 4**

# Tanam sayur guna modal besar

**PETALING JAYA:** Usaha menanam sayur di tanah didakwa diceroboh di Puchong itu didakwa membabitkan modal besar bagi mendapat hasil lumayan.

Mengikut maklumat yang dikumpul *Utusan Malaysia*, beberapa pekerja memaklumkan kebun-kebun yang dikuasai beberapa warga tempatan dan warga asing itu menggunakan teknologi penanaman yang sistematis seperti sprinkler automatik, sistem perpaipan moden, dan tiang-tiang besi serta konkrit yang mengelilingi kebun.

Tinjauan dari luar kebun-kebun tersebut turut melihat sekurang-kurangnya lima pondok penempatan dan pusat pembersihan sayuran dibangunkan oleh pengusaha kebun sayur itu.

Selain itu, sebuah kebun mempunyai sebuah pondok

khas yang digunakan sebagai dapur dengan dilengkapi dengan tiga dapur memasak, empat tong gas, sebuah peti sejuk dan beberapa buah peruk nasi.

Beberapa pondok di kebun itu turut mempunyai surat notis amaran dari pihak Pejabat Daerah dan Tanah Sepang yang ditampal.

Surat tersebut bertarikh 21 Julai, 2022 ditandatangani pegawai Penolong Pentadbir Tanah Sepang.

Bagaimanapun, penghuni yang tinggal berhampiran kebun haram itu mendakwa, operasi di kebun tersebut tidak 'terjelas' walaupun menerima notis tersebut.

"Saya tahu tiada tindakan sebab saya duduk di sini, dan kebun haram ini masih beroperasi seperti biasa. Sedangkan notis sudah diberikan oleh Pejabat

Daerah dan Tanah Sepang," katanya.

Cerita penghuni itu, dalam satu perbualan dengan seorang warga Indonesia yang didakwa mengusahakan salah satu lot tanah diceroboh, yang dikenali sebagai Lasuwi, dia mengaku memperoleh pendapatan sebanyak RM3,000 sehari.

"Ini maklumat saya dapat tiga ke empat tahun dahulu, dan Lasuwi masih tinggal di tanah haram ini sampai sekarang. Maksudnya, dalam sebulan dia memperoleh pendapatan hampir RM100,000, dan saya sekeluarga menggelarnya sebagai saudagar sayur kaya raya," katanya.

Pada masa sama, katanya, sayur-sayur yang ditanam di tanah tersebut, diedarkan di Pasar Borong Selangor di Seri Kembangan.

"Saya turut diberitahu oleh

pekerja kebun di sini, bahawa sayur dihantar ke pasar borong setiap hari," katanya.

Kata penghuni itu, dia turut membuat aduan kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) tentang kecurian elektrik didakwa dilakukan penceroboh pada awal tahun ini.

"Sewaktu aduan dibuat, TNB menyerahkan satu peta lokasi tanah diceroboh tersebut kepada saya. Dalam peta itu menunjukkan, di sebelah tanah diceroboh itu merupakan Plaza Tol Lebuhraya MEX, kilang SKS Coachbuilders Sdn. Bhd. serta kilang SDK Technology and Engineering," katanya.

Sementara itu, ketika tinjauan *Utusan Malaysia* turut menyapa beberapa pekerja kebun yang mengakui mereka bekerja di kebun tersebut dengan gaji dibayar tauke Bangla-

desh.

Seorang pekebun yang ditemui bernama Sumiyati dari Surabaya, Indonesia berkata, dia digajikan oleh tauke warga Bangladesh bernama Jamal.

"Gaji saya sikit saja, RM30 sehari. Saya mula bekerja di kebun mulai 6 pagi sehingga 7 petang. Saya tinggal di rumah di kebun ini," katanya.

Tiga pekerja kebun haram warga Bangladesh yang ditemui, Yusof, 21; Azad, 29; dan Lukman, 40-an pula berkata, tauke yang menggajikan mereka adalah warga tempatan, namun enggan mendedahkan namanya. Masing-masing berkata, mereka bekerja di sini kurang dari tempoh satu tahun.

Lukman berkata, gaji yang diperoleh RM1,700 sebulan, dengan waktu bekerja mulai 6 pagi sehingga 6 petang.

## Pekebun haram warga asing jadi saudagar sayur

Dari muka 1

*Utusan Malaysia* yang membuat tinjauan enam jam bermula pukul 10 pagi minggu lalu melihat kebun pelbagai jenis sayuran yang mendapat permintaan tinggi dan didakwa dipasarkan di Pasar Borong Seri Kembangan dan kedai-kedai runcit di sekitar Puchong.

Antara tanaman itu ialah bendi, kacang panjang, petola ular, labu air, peria katak, sawi bunga, kailan dan kangkung.

Sayuran dari kebun haram itu dikatakan mendapat permintaan tinggi kerana tidak menggunakan bahan kimia, sebaliknya menggunakan baja tahi ayam.

Di beberapa lokasi, terdapat longgokan baja tahi ayam kering setinggi hampir semeter di kebun-kebun.

Seorang penghuni di kawasan bersebelahan tanah diceroboh yang ditemui berkata, kawasan seluas kira-kira 80 hektar itu dipercayai didalangi antara tujuh hingga 10 warga tempatan dengan kira-kira 30 penceroboh membabitkan warga Bangladesh dan Indonesia dibayar untuk menguruskan kebun-kebun di situ.

Kata penghuni itu, di dalam kebun itu pula dipercayai terdapat sehingga 150 pekerja warga asing dan pernah seorang warga Indonesia yang menguruskan kebun di situ member-



SEORANG pekerja asing mengutip kacang bendi yang ditanam di tanah milik kerajaan Selangor yang diceroboh sejak beberapa tahun lalu.

itahu, kebun tersebut memberi pulangan sekitar RM100,000 sebulan.

"Kebun-kebun sayur di situ memang haram berdasarkan notis amaran yang ditampal Pejabat Daerah dan Tanah Sepang yang menyatakan: 'Kesalahan melakukan aktiviti tanaman kontan di atas tanah kerajaan di bandar Cyberjaya, Mukim Dengkil, Daerah Sepang'. Notis tersebut ditampal di pondok-pondok di kawasan itu.

"Namun sehingga kini pondok tersebut terus beroperasi sebagai tempat tinggal serta tempat pengasingan sayur-sa-

yuran yang lengkap dengan alat timbangan, enjin pam air untuk sprinkler serta traktor kecil," ceritanya.

Dedah penghuni berusia 65 tahun itu lagi, pencerobohan mula dikesan sejak 2015 ketika dia melawat ke tanah miliknya yang terletak di sebelah kawasan tanah kerajaan negeri yang diceroboh.

"Pada waktu itu, saya dapati sudah berlaku pencerobohan. Waktu itu, saya melawat tanah ini selang empat hingga lima tahun sekali, saya ada tanah di sini lebih kurang dua hektar.

"Kemudian, pada Mac 2021,

### PENCEROBOHAN TANAH DI PUCHONG

- Kira-kira 80 hektar tanah rizab milik Kerajaan Negeri Selangor di Kampung Sungai Rasau, Batu 8, Puchong disyaki diceroboh warga asing untuk tanaman sayur
- Kawasan yang diteroka di bawah pencawang elektrik bersebelahan Lot 103432, Kampung Sungai Rasau sehingga ke sebelah Lebuhraya MEX di Pulau Meranti.
- Kawasan tersebut diusahakan kira-kira 40 individu warga tempatan dan warga asing dengan

mengupah 150 pekerja Bangladesh, Indonesia, Nepal dan Rohingya.

• Penceroboh mendakwa mereka memperoleh pendapatan RM3,000 sehari atau RM100,000 sebulan dengan membekalkan sayur ke pasar borong dan kedai runcit.

• Kebun diceroboh berdasarkan penemuan surat notis Pejabat Daerah dan Tanah Sepang yang ditampal di beberapa pondok haram yang dibina dalam kebun tersebut

saya berpindah dan menetap di sini," katanya.

Menjelaskan lanjut, kata penghuni itu, sejak berpindah ke tanahnya, dia dan keluarga pernah diganggu oleh warga Indonesia yang menceroboh tanah tersebut.

"Mereka datang menyerang, memaki hamun, mengugut untuk mencederakan saya. Saya tidak tahu apa sebab dia ugut, sedangkan dia yang menceroboh tanah saya.

"Saya buat laporan polis pada 2015, 2019, 2021 dan 2022. Dalam laporan yang dibuat di Balai Polis Putra Perdana, Puchong saya menjelaskan apa yang berlaku.

Tetapi setakat ini, saya dapati belum ada sebarang tindakan," katanya.

Cubaan *Utusan Malaysia* menghubungi Pejabat Daerah dan Tanah Sepang pada 21 Oktober namun gagal disambungkan kepada pegawai bertugas untuk memberi komen status kebun sayur yang didakwa diusahakan secara haram.

Akhbar ini menyemak laporan polis yang dibuat pengadu, antaranya membabitkan aduan mengenai pencerobohan tanah. Ia bertarikh 8 Mac 2019 yang dibuat pengadu di Balai Polis Putra Perdana namun turut gagal mendapat maklum balas.



NOR Azman bergambar bersama tanaman rumput napier yang diusahakan sejak dua tahun lalu.



**Walaupun bidang saya dalam TLDM sebelum ini jauh berbeza dan membabitkan kejuruteraan, saya tidak kekok dan nekad untuk mempelajari perkara baharu menerusi kursus di PERHEBAT.”**

**NOR AZMAN MOHD. NORDIN**



## Pesara tentera raih pen lumayan, berjaya dalam

Oleh **MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI**  
hafizyusoff@medianmula.com.my

**JIKA** sebelum ini memikul senjata dan bermandi peluh ketika latihan boleh dikatakan menjadi rutin harian, kini segalanya berubah sebaik sahaja bermula transisi daripada anggota tentera kepada orang awam.

Bagaimanapun, di sebalik perubahan tersebut, rata-rata pesara tentera menyifatkan segala latihan dan pengalaman ketika berkhidmat dahulu masih bermanfaat.

Malah kudrat dan sumbangan mereka yang sebelum ini lebih tertumpu menjaga pertahanan negara sebaliknya kini bertukar kepada aspek lain antaranya bidang pertanian.

Paling membanggakan, kejayaan mereka dalam bidang pertanian semakin menyerlah dan berjaya mendatangkan hasil sama ada pendapatan mahupun tanaman.

Ini sedikit sebanyak mampu mengurangkan isu keterjaminan makanan yang sebelum ini menimbulkan kebimbangan disebabkan pelbagai faktor.

Bagi seorang pesara tentera, Muhamad Azrul Mohd. Ziman, 39, dia sedikit pun tidak kekok untuk menjadikan aktiviti pertanian sebagai kerjaya kedua walaupun boleh dikatakan baharu sahaja berjinak-jinak dalam dunia pertanian.

Menurutnya, ini kerana latihan yang diberikan sewaktu program Latihan Peralihan bersama



**MENUAI** hasil tanaman antara aktiviti Muhamad Azrul selepas menamatkan

Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) banyak membantu terutama dalam aspek penyediaan ilmu.

“Memilih untuk berkursus di PERHEBAT membuka mata saya bagaimana untuk menentukan hala tuju selepas bersara terutama apabila memperkatakan kerjaya kedua untuk anggota tentera yang menamatkan perkhidmatan di kala usia muda.

“Apa yang paling penting kita tahu apa yang kita mahu dan bukan sekadar mengikut kawan-kawan. Sebab itu, saya sendiri memilih bidang pertanian ini. Paling terharu banyak ilmu yang saya peroleh dengan mengikuti



**DUA** sahabat karib Muhamad Azrul dan yang berjaya dituai.



# dapatan pertanian



kerjasama tentera.



Mohd. Fikry menunjukkan terung

kursus di PERHEBAT dan Jabatan Pertanian," katanya kepada Utusan Malaysia baru-baru ini.

Muhamad Azrul yang menjawat jawatan Pegawai Waran II sebelum bersara, pernah berkhidmat selama 21 tahun dalam Kor Perkhidmatan Am (KPA).

Dia dalam masa sama, menyifatkan bantuan tenaga pengajar daripada PERHEBAT dan Jabatan Pertanian sama ada membabitkan aspek teori dan praktikal banyak membantunya mengenal pasti setiap keperluan yang amat dituntut dalam bidang pertanian.

Beliau kini mengusahakan tanaman terung bersama rakanannya, Mohd. Fikry Yusoff yang mula dikenalnya semasa mengikuti kursus asas perajurit muda di Pusat Latihan Asas Tentera Darat (Pusasda).

Menurut Mohd. Fikry yang sebelum ini berkhidmat dalam Kor Kesihatan Diraja (KKD), dia menyifatkan kursus disediakan PERHEBAT berjaya menjadi pelengkap untuknya menceburkan diri dalam kerjaya kedua terutama membabitkan bidang pertanian.

"Pengajar di kedua-dua agensi ini mempunyai banyak ilmu dan pengalaman. Mereka turut membantu cara memasarkan produk di pelbagai platform.

"Malah saya juga boleh merujuk kepada Jabatan Pertanian dan menggunakan beberapa kemudahan termasuk tapak pertanian sementara hasil kerjasama PERHEBAT," katanya. Kedua-dua rakan baik ini dalam masa sama berjaya mempraktikkan inovasi baharu dalam bidang pertanian menerusi tanaman hidroponik.

Dalam pada itu, bagi Nor Azman Mohd. Nordin yang merupakan veteran anggota Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), dia kini boleh berbangga apabila berjaya memperoleh pendapatan bersih kira-kira RM5,000 sehingga RM10,000 sebulan menerusi penanaman rumput napier.

Dia yang mengusahakan tanah seluas 20 ekar kini berbangga dan gembira selepas mengikuti kursus Usahawan PKS Agrotani anjuran PERHEBAT.

"Walaupun bidang saya dalam TLDM sebelum ini jauh berbeza dan membabitkan kejuruteraan, saya tidak kekok dan nekad untuk mempelajari perkara baharu menerusi kursus di PERHEBAT.

"Perlu diingat tanaman rumput napier bukan sekadar tanam dan jual. Tapi perlu ada ilmu untuk dikongsi bersama pembeli selain ilmu dalam aspek pemasaran," jelasnya yang berkhidmat dalam unit udara TLDM.

Sementara itu, Timbalan Ketua Sektor Latihan, Kemahiran dan Keusahawanan PERHEBAT, Nor Hayati Yahya berkata, enrolmen bagi kursus Usahawan PKS Agrotani yang diadakan sebanyak empat kali setahun.

Katanya, sehingga tahun lepas sebanyak 216 peserta



TANAMAN buah Rock Melon menerusi kaedah fertigasi.

NOR Hayati bersama pengajar kanan keusahawanan PERHEBAT Mohd. Hisham Kiri dan Pengarah Keusahawanan PERHEBAT Kamaruzaman Khalid menunjukkan hasil tanaman.



berjaya mengikuti kursus yang diadakan sejak 2019 ini.

"Apa yang kita harapkan, dengan adanya kursus bidang pertanian ini sedikit sebanyak dapat membantu persediaan ke arah menjamin keselamatan

makanan di negara ini.

"Apa yang paling penting, bukan sekadar kursus pertanian, tapi segala kursus yang disediakan dapat membantu pesara tentera untuk memilih kerjaya kedua nanti," ujarnya.

Kurikulum Latihan Peralihan PERHEBAT bukan sahaja meliputi ilmu pengetahuan bidang teknikal, vokasional dan keusahawanan semata-mata malah pelatih dibekalkan dengan kemahiran insaniah yang berteraskan kemahiran sosial. Bakal Pesara yang mengikuti Latihan Peralihan di PERHEBAT turut dilatih untuk menyumbang kepakaran mereka dalam pelbagai bidang menerusi program kerjasama tentera dan

awam (CIMIC).

Anlra aktiviti yang dilaksana seperti gotong-royong kediaman mangsa banjir di Hulu Langat, kerja bakti, naik taraf dan pembersihan di 10 buah surau dan sebuah sekolah agama di Pahang dan Johor. Selain menyumbang kepakaran mereka, Bakal Pesara dan Veteran ATM dapat menyantuni komuniti yang memerlukan bantuan daripada pelbagai aspek. Program seperti ini secara langsung dapat menyumbang kepada kesejahteraan rakyat terutamanya dalam mendidik nilai-nilai moral dengan membudaya dan menyemarakkan lagi semangat kesukarelawanan.



**Apa yang paling penting, bukan sekadar kursus pertanian, tapi segala kursus yang disediakan dapat membantu pesara tentera untuk memilih kerjaya kedua nanti."**

NOR HAYATI YAHYA